

22 JUL 2004

Abdullah-Chirac

M'SIA-PERANCIS SETUJU TEROKA BIDANG BARU

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

PARIS, 22 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Perancis telah bersetuju meneroka bidang baru seperti bioteknologi, pendidikan dan pelancongan dalam usaha meluaskan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Khamis kedua-dua pihak bersetuju bahawa hubungan baik yang sedia terjalin telah memanfaatkan, " ia perlu diperkukuh dan diperluaskan lagi, katanya kepada Bernama melalui telefon semasa beliau dalam perjalanan ke Lapangan Terbang Le Bourget, setelah mengunjungi Presiden Perancis Jacques Chirac di Elysee Palace, yang terletak di tengah-tengah ibu negara Perancis di sini.

Sambil menyifatkan perbincangan semasa jamuan makan tengahari sebagai sangat produktif, Abdullah berkata mereka berbincang secara terbuka dan mesra, yang mencerminkan hubungan erat terjalin antara pemimpin kedua-dua buah negara.

Hubungan baik memang terjalin antara Chirac dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Abdullah melahirkan keyakinan bahawa hubungan antara beliau dan pemimpin Perancis itu akan terus meningkat.

Abdullah juga berkata perbincangan tertumpu terutamanya mengenai isu antarabangsa yang berkisar situasi di Iraq dan konflik berlarutan antara Israel dan Palestin.

Mengenai Iraq, Abdullah berkata beliau berkongsi pendapat dengan Chirac mengenai situasi di kawasan itu yang disifatkan sebagai 'mencemaskan'.

Perdana Menteri berkata adalah penting bagi rakyat Iraq untuk menyedari bahawa pilihan raya akan datang Januari ini merupakan satu peluang keemasan untuk mereka memilih kerajaan yang dikehendaki.

Dengan itu, mereka perlu berusaha untuk memastikan keamanan dan kestabilan, kata beliau.

Abdullah berkata terdapat juga kebimbangan mengenai 'perbalahan' antara pelbagai kumpulan seperti Syiah, Sunni dan Kurdish.

Menyentuh Palestin, Abdullah berkata satu formula diperlukan bagi menangani konflik antara Israel dan Palestin, sebab itu Pelan Damai hendaklah dipatuhi oleh kedua-dua pihak dalam usaha memberhentikan situasi itu daripada menjadi di luar kawalan.

Bagaimanapun, Abdullah dan Chirac sekali lagi melahirkan perasaan kebimbangan mengenai krisis kepimpinan antara Arafat dan Perdana Menteri Ahmed Qurie sambil mengatakan bahawa apa sahaja peendirian berbeza antara mereka hendaklah ditangani supaya Palestin boleh menunjukkan satu barisan perpaduan ketika dahagakan kepada perdamaian.

Beliau berkata Arafat masih lagi diperlukan sementara peranan Perdana Menteri perlulah diperjelaskan.

Abdullah menekankan bahawa Kuasa Besar hendaklah memainkan peranan pusat bagi memastikan bahawa Pelan Damai untuk Perdamaian dilaksanakan menurut jadual.

Pemimpin itu juga membincangkan Tabung Pembangunan Millennium yang dicadangkan oleh Perancis sebagai satu kumpulan memberikan bantuan pada mesyuarat negara-negara perindustrian baru-baru ini untuk menangani kemiskinan global dan menyelesaikan kewujudan masalah kebuluran dan kemunduran.

Oleh kerana cadangan itu masih lagi dalam peringkat awal, Abdullah berkata butir-butir cara melaksanakannya perlu diperhalusi supaya negara-negara miskin dapat menikmati faedah daripada tabung itu.

Ditanya sama Malaysia akan menyokong tabung itu, beliau berkata pada peringkat ini Malaysia secara prinsipnya menyokong cadangan itu.

Mengenai suasana perbincangan antara beliau dan Chirac, Perdana Menteri itu berkata beliau sangat berpuas hati dengan hasil perbincangan itu.

Beliau kemudian memeriksa satu perbarisan kehormatan di Lapangan Terbang Le Bourgeot, sebelum berlepas ke London.

Abdullah dijangka bertemu dengan Perdana Menteri British Tony Blair.

Beliau yang diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar tiba di sini malam Selasa untuk lawatan ke negara kedua kuasa besar di Barat itu.

-- BERNAMA  
MR NM BK